

FIMM sebagai sebuah Organisasi Pengawalseliaan Sendiri (Bahagian 1)

ADVERTORIAL



Tel : 03 - 2093 2600 • www.fimm.com.my

Pengenalan

Persekutuan Pengurus - Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sebagai sebuah Organisasi Pengawalseliaan Sendiri [*Self-Regulatory Organisation* (SRO)] untuk industri unit amanah mengikut Seksyen 323(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 melalui perintah yang diwartakan bertarikh 20 Januari 2011.

Latar Belakang dan Objektif FIMM

FIMM bermula sebagai Persekutuan Pengurus-Pengurus Unit Amanah Malaysia (FMUTM) pada 7 Ogos 1993. Sehingga 6 September 2012, FIMM mempunyai 42 ahli biasa; terdiri daripada syarikat-syarikat pengurusan unit amanah (UTMC). FIMM berperanan sebagai platform bagi membincangkan isu berkaitan industri unit amanah dan industri Skim Persaraan Swasta. Pengiktirafan FIMM sebagai Organisasi Pengawalseliaan Sendiri merupakan satu peristiwa penting dalam sejarahnya memandangkan FIMM akan berperanan sebagai badan industri dan badan kepentingan awam, yang menyokong perkembangan industri unit amanah dan Skim Persaraan Swasta [*Private Retirement Scheme* (PRS)] di Malaysia.

Apakah itu Organisasi Pengawalseliaan Sendiri?

ia adalah sebuah organisasi yang diiktiraf untuk menjalankan fungsi-fungsinya melalui pelaksanaan penguatkuasaan serta untuk menjaga kepentingan awam dan melindungi kepentingan para pelabur. Dengan pengiktirafan ini, FIMM akan mengawalselia ahli-ahlinya melalui peranan yang ditetapkan seperti etika dan integriti bagi melindungi hak para pelabur.

Antara ciri-ciri pengawalseliaan sendiri ini adalah tatalaku dan kewibawaan yang profesional, kesaksamaan, ketelusan, kebertanggungjawaban serta penglibatan awam. FIMM bertanggungjawab memastikan ahlinya, iaitu Perunding Unit Amanah [*Unit Trust Consultant* (UTC)] dan Perunding Skim Persaraan Swasta [*Private Retirement Scheme Consultants* (PRC)] memiliki kecekapan dan kewibawaan dalam bertindak demi kepentingan para pelabur. Para perunding ini bertanggungjawab terhadap kepatuhan kod, piawaian serta mengekalkan kewibawaan serta etika. Sebagai organisasi pengawalseliaan sendiri, FIMM bertanggungjawab :

- Mendukung kepentingan awam dengan memperteguhkan integriti pasaran, kecekapan pasaran dan melindungi kepentingan para pelabur
- Mendaftarkan semua ahli dan organisasi yang ingin memasarkan dan mengedarkan unit amanah dan Skim Persaraan Swasta
- Mempromosikan program pendidikan dan kesedaran bagi mewujudkan komuniti yang berpengetahuan dalam pelaburan
- Mengimbangi peraturan terhadap ahlinya dengan sokongan daripada kepentingan mereka dan para pelabur
- Mengawas tingkah laku industri secara proaktif, adil dan konsisten dalam mengambil tindakan disiplin terhadap salah laku dan ketidakpatuhan
- Menyediakan kemahiran pakar untuk membangunkan industri unit amanah
- Meningkatkan piawaian amalan jualan dan pengedaran dengan merangka aturan jualan yang berkesan serta mekanisme pemantauan dan penyeliaan yang mencukupi

- Meningkatkan profesionalisme di kalangan para perunding dan pendedar unit amanah
- Meningkatkan piawaian ujian dan pemilihan, peperiksaan kelayakan dan latihan bagi mengekalkan piawaian syarat kemasukan, kewibawaan profesional dan kemahiran yang tinggi
- Memperkenalkan rangka kerja Pembangunan Profesional Berterusan [*Continuing Professional Development* (CPD)] bagi memastikan para pendedar mengikuti perkembangan industri semasa

Perkembangan dalam Tadbir Urus

Industri unit amanah di Malaysia telah berkembang pesat, dengan mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 18% sepanjang 10 tahun yang lepas. Pertumbuhan pesat ini dimaikan peranannya oleh industri; namun begitu untuk bergerak ke hadapan dan berkembang secara berterusan, tadbir urus yang betul perlu diamalkan. Melalui penguatkuasaan tadbir urus serta peraturan dan tata-amalan yang sedia ada, tahap kepercayaan dan keyakinan yang lebih tinggi dapat dicapai daripada para pelabur. Ini menjuruskan perkembangan yang baik, bukan sahaja kepada industri unit amanah dan skim persaraan swasta, bahkan juga kepada pembangunan ekonomi dan pasaran modal secara keseluruhan di Malaysia.

Beberapa usaha dan inisiatif telah dilakukan oleh FIMM untuk memenuhi tanggungjawab pengawalseliaan sendiri, seperti meningkatkan tahap profesionalisme di kalangan para perunding unit amanah dan para pendedar unit amanah melalui latihan dan peperiksaan yang kukuh, mengguna pakai amalan pengedaran yang lebih beretika, meningkatkan rangka kerja pengawasan aktif, menguatkuasakan dan mengambil tindakan disiplin terhadap pelanggaran peraturan dan garis panduan serta mengembangkan kempen kesedaran di kalangan orang awam.

1. Tujuan utama FIMM ialah untuk melindungi kepentingan orang awam dan para pelabur. Tujuan ini dicapai melalui peraturan tatalaku profesional dan kompetensi kecekapan. Pengawalseliaan sendiri yang berkesan dapat membantu mengembangkan rangka kerja pengawalseliaan yang lebih menyeluruh, yang mana usaha yang dijalankan di samping pengawalselia seperti Suruhanjaya Sekuriti dapat membawa kepada pembangunan pasaran modal yang mampan serta memberi lebih banyak faedah kepada setiap orang.
2. Pemeraksanaan FIMM merupakan langkah penting ke arah pembangunan jangka panjang industri yang mampan, disebabkan FIMM lebih memahami dengan lebih baik industri yang diwakilinya serta menyesuaikan diri kepada keadaan pasaran yang sentiasa berubah. Ini melengkapkan lagi usaha Suruhanjaya Sekuriti untuk memastikan wujudnya aturan pengawalan yang lebih cekap dan berkesan tanpa menjejaskan perlindungan para pelabur.

3. FIMM bertanggungjawab memastikan semua individu yang ingin menceburi bidang ini memiliki kelayakan, kecekapan dan beretika. FIMM akan meningkatkan piawaian peperiksaan dan pemilihan, menyemak peperiksaan kelayakan dan latihannya serta memperkenalkan program pensijilan bagi mengekalkan mutu piawaian tinggi bagi kemasukan, kewibawaan dan kepakaran profesional. Selain itu, pengenalan Program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) dalam rangka kerja pendidikannya dapat memastikan para pendedar mengikuti perkembangan dan aliran pasaran.

4. Kepatuhan kepada prinsip kesaksamaan, ketelusan, kebertanggungjawaban dan penglibatan awam dapat membina keyakinan dan kepercayaan awam serta memastikan tugas yang dijalankan adalah untuk kepentingan para pelabur. Perwakilan awam dan komunikasi terbuka merupakan mekanisme kebertanggungjawaban awam yang utama. 45% perwakilan dalam Lembaga Pengarah Kepentingan Awam [*Public Interests Directors* (PID)] akan memantau aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh FIMM dalam memastikan kepentingan awam dan perlindungan pelabur kekal sebagai perkara induk.

5. Unit amanah kekal sebagai cara yang penting dan mudah untuk orang ramai melabur wang simpanan mereka dan mengumpulkan kekayaan dalam jangka panjang. Memandangkan para pelabur dalam unit amanah ini bergantung pada perkhidmatan serta nasihat daripada perunding mereka, maka perunding dengan ini bertanggungjawab menyalurkan pengetahuan mereka secara adil, profesional dan sama rata. FIMM secara berkesan, akan mengembangkan peraturan yang direka untuk menetapkan piawaian tingkah laku ahli dan perunding berdaftar bagi melindungi kepentingan para pelabur serta memastikan perniagaan dijalankan menurut piawaian tatalaku yang tinggi.

Ringkasan

Fungsi teras FIMM ialah melindungi para pelabur. FIMM komited dalam mengembangkan industri unit amanah dan industri skim persaraan swasta dengan memastikan piawaian yang tinggi dalam tadbir urus, kebertanggungjawaban, layanan yang saksama kepada para pelabur dan tatalaku profesional. Melalui rangka kerja pengawalseliaan yang teguh, FIMM akan memastikan bahawa perlindungan pelabur, keyakinan dan integriti pasaran dapat diteguhkan dan dalam masa yang sama menyokong pertumbuhan pelaburan industri unit amanah dan industri skim persaraan swasta.

Bahagian ke-2 minggu hadapan akan memperincikan tentang mengapa unit amanah merupakan cara pelaburan pilihan untuk rakyat Malaysia dalam mencapai kebebasan kewangan.

Tel : 03 - 2093 2600 • www.fimm.com.my

Pengenalan

Untuk mencapai matlamat kebebasan kewangan, rakyat Malaysia adalah digalakkan untuk menjadikan unit amanah dan Skim Persaraan Swasta sebagai instrumen pelaburan pilihan mereka. Siri rencana ini akan menjelaskan tentang faedah melabur dan mengapa tabung unit amanah menjadi salah satu keperluan dalam menampung tabung pendidikan untuk anak-anak anda, pelaburan untuk simpanan dan persaraan.

Apakah Maksud Kebebasan Kewangan?

Kebebasan kewangan mempunyai pelbagai pandangan yang berbeza bagi setiap individu, seperti kemampuan dari segi kewangan untuk melakukan apa sahaja yang diinginkan. Untuk mencapai matlamat kebebasan kewangan ini, anda mestilah:

- Menabung untuk pendidikan anak anda
- Mempunyai simpanan yang mencukupi untuk persaraan anda
- Mengumpul kekayaan seperti memiliki rumah yang besar atau kereta mewah

Oleh itu, untuk mencapai impian dan matlamat kewangan ini, kita haruslah mempunyai kewangan yang mencukupi untuk menabung dan melabur secara bijak.

Menyimpan dan Melabur

Antara soalan-soalan lazim yang biasa ditanya oleh pelabur baru:



- Apakah risiko yang perlu diambil untuk mendapat pulangan yang melebihi purata dari pelaburan asal - unit amanah, berbanding dengan pulangan daripada wang simpanan dalam akaun deposit tetap [Fixed Deposit Account (FDA)]?
- Bagaimana jika ianya tidak seperti yang dirancang?
- Bagaimana jika ianya menjejaskan rancangan kewangan saya?

Yang paling penting dalam pelaburan adalah “risiko tinggi, pulangan tinggi”. Untuk memperolehi pulangan yang lebih tinggi, anda haruslah sedia menghadapi beberapa risiko yang lebih tinggi. Simpanan di akaun deposit tetap nyata lebih selamat berbanding jenis pelaburan yang lain termasuk unit amanah. Akan tetapi, pulangan dari deposit tetap ialah “tetap”, misalnya, akaun deposit tetap memberikan pulangan sekitar 3 peratus setahun. Ini bermakna anda perlu memperuntukkan wang simpanan yang lebih banyak setiap bulan, di mana ianya akan mengambil masa yang lebih lama untuk mencapai matlamat kewangan anda. Walaubagaimanapun, jika anda melabur di dalam tabung unit amanah, anda mungkin boleh mendapat pulangan yang melebihi purata, sejajar dengan risiko yang lebih tinggi (bergantung kepada jenis tabung yang dilaburkan) – dan dapat mencapai matlamat anda dengan lebih cepat.

Kuasa Penggandaan

Sebagai contoh, jika anda memperuntukkan RM100,000.00 dalam simpanan tetap dengan pulangan sebanyak 3% setahun, ia akan mengambil masa selama 24 tahun untuk menggandakan wang anda kepada RM200,000.00. Sebaliknya, jika anda mampu mendapat pulangan sebanyak 5% setahun dari pelaburan unit amanah, ia hanya akan mengambil masa selama 15 tahun untuk menggandakan wang anda. Ini ialah kuasa penggandaan; satu pulangan tambahan sebanyak 2% setahun melebihi pulangan simpanan tetap di mana ianya dapat menjimatkan masa yang diperlukan untuk mencapai matlamat kewangan anda.

Faktor Masa Dalam Menggandakan Wang Anda



Tabung unit amanah adalah sesuai untuk para pelabur yang ingin mendapatkan pulangan yang melebihi purata – dan mengambil masa yang lebih singkat untuk mencapai matlamat mereka. Tabung unit amanah diuruskan secara profesional, oleh itu, pelabur haruslah melabur dalam pelbagai pelaburan seperti bon, saham, komoditi dan lain-lain (sekaligus memberikan kepelbagaian dalam pelaburan). Sebagai tambahan, tabung unit amanah secara amnya juga mempunyai kecairan yang tinggi, kos pelaburan yang lebih rendah dan pendedahan pelaburan yang lebih tinggi.

Apa Itu Unit Amanah?

Unit amanah ialah satu instrumen pelaburan, yang mengumpulkan dana daripada para pelabur untuk dilaburkan dan diuruskan untuk faedah bersama. Operasi dana ini dikawal oleh satu surat ikatan yang dikenali sebagai “surat ikatan” amanah.

Sebagai seorang pelabur, anda mungkin tidak mempunyai modal yang mencukupi atau berpeluang untuk melabur terus dalam pasaran saham, melainkan anda adalah seorang pelabur yang bertauliah (atau individu yang mempunyai kecekilan kewangan yang tinggi). Sekalipun anda mempunyai modal yang mencukupi, kebanyakan pelabur mungkin tidak dapat mempelbagaikan portfolio yang sesuai untuk pelaburan mereka secara individu. Sekuriti dana unit amanah yang dilaburkan adalah termasuk saham, bon dan lain-lain sekuriti kewangan. Pengurus dana yang profesional dan berpengalaman dilantik untuk menguruskan portfolio pelaburan tersebut.

Faedah Melabur Dalam Unit Amanah

1) Akses Ke Pelbagai Bentuk Aset Kewangan

Saham amanah mempunyai akses ke pelbagai jenis aset pelaburan seperti Sekuriti Kerajaan Malaysia (bon kerajaan), komoditi, hartanah dan lain-lain, dan yang lebih penting, pelabur mempunyai pengurus dana profesional yang boleh membantu menguruskan dana ini bagi pihak mereka. Pelaburan dalam unit amanah adalah salah satu cara untuk mendapatkan pulangan yang lebih tinggi bagi tempoh yang lebih panjang, berbanding dengan menyimpan dalam akaun simpanan atau akaun deposit tetap. Selain itu, risikonya

juga mungkin lebih rendah berbanding dengan melabur secara langsung ke dalam saham atau bon, iaitu melalui kepelbagaian portfolio yang sesuai.

2) Kepelbagaian

Pelabur boleh mempelbagaikan pelaburan mereka dengan mengagihkan wang mereka ke dalam pelbagai jenis pelaburan, termasuk saham, dana bersama, bon dan wang tunai untuk mengurangkan risiko keseluruhan portfolio. Pelabur boleh mempelbagaikan strategi pelaburan mereka ke dalam dana yang berbeza, termasuk dana pertumbuhan, dana seimbang, dana indeks, modal yang kecil, modal yang besar dan dana sektor khusus, atau, ianya boleh dipelbagaikan dari segi geografi dengan memiliki pelaburan campuran iaitu antarabangsa dan tempatan. Strategi dalam mempelbagaikan pelaburan dapat mengurangkan risiko akan tetapi tidak semestinya akan mengurangkan pulangan.

3) Pelaburan Yang Lebih Mudah

Ia menarik minat pelabur yang tiada masa untuk memantau prestasi pelaburan mereka dengan kerap; yang pada lazimnya, di setiap akhir suku tahun, pelabur unit amanah akan menerima satu laporan mengenai prestasi dana mereka dan juga tinjauan untuk tahun hadapan, yang menjadikan pelaburan lebih mudah.

4) Mudah Tunai / Kecairan

Unit-unit dalam dana boleh dibeli dan dijual dengan lebih mudah melalui syarikat pengurusan unit amanah, ejen unit amanah institusi dan orang-perseorangan yang menguruskan unit amanah. Di bawah garis panduan Tabung Unit Amanah, Syarikat Pengurusan Unit Amanah perlu membayar hasil pembelian-balik unit dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja selepas menerima permintaan belian-balik.

5) Kemampuan – Pelaburan di dalam saham amanah hanya memerlukan modal yang minimum

Pelaburan secara terus ke dalam pasaran saham memerlukan modal yang tinggi untuk individu dan pelabur runcit kerana mereka tidak mempunyai kuasa skala ekonomi. Melalui perkongsian dana, pengurus dana mempunyai lebih kuasa untuk membeli dan mampu menikmati kos dagangan yang lebih rendah disebabkan oleh faedah urusniaga dagangan yang tinggi, yang mana ini dapat menguntungkan dana tersebut.

6) Pengurusan Profesional Yang Berterusan

Pengurus dana yang profesional dan berpengalaman dapat memastikan bahawa dana yang diuruskan dilabur melalui proses yang tersusun dan mengikuti prinsip asas pelaburan. Dalam jangka panjang, kelebihan ini membantu menjana pulangan yang lebih tinggi untuk para pelabur.

Secara ringkasnya, unit amanah harus dipertimbangkan sebagai salah satu pelaburan pilihan oleh rakyat Malaysia yang ingin mengukuhkan kewangan mereka.

Bahagian 3 minggu hadapan akan menekankan tentang kepentingan menjadi seorang pelabur yang berpengetahuan serta mengapa pendidikan dan literasi kewangan adalah kunci untuk mencapai kebebasan kewangan.

Pendidikan : Kunci Pelabur Bijak dan Berpengetahuan

Pengenalan

Dalam artikel yang lepas, kita telah membincangkan tentang kepentingan melabur dalam tabung unit amanah demi untuk mencapai impian dan matlamat kewangan. Sebelum melabur wang dari hasil titik-peluh anda, anda mestilah terlebih dahulu mengetahui serba sedikit mengenai pelaburan. Berpengetahuan dan celik kewangan merupakan kunci ke arah kebebasan kewangan; apabila anda memahami selok belok pelaburan, ianya akan meningkatkan peluang anda untuk berjaya dalam bidang ini. Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan kepada anda bagaimana untuk menjadi seorang pelabur yang bijak dan berpengetahuan.



Sebelum melabur, anda perlulah :

- Mengetahui matlamat kewangan anda
- Menilai status kewangan semasa anda dan memahami mengenai faedah serta risiko pelaburan
- Membuat perancangan kewangan anda
- Berbelanja dengan bijak dan berhemah agar anda mampu melabur lebihan tunai anda untuk menjana pulangan yang lebih baik
- Membuat penyelidikan dan mendapatkan bantuan pakar

Apabila anda melabur, anda telah memperuntukkan sebahagian wang anda yang diharapkan dapat memberikan pulangan yang lebih baik. Untuk mencapainya, anda perlulah menganalisa dan menilai pelaburan anda dengan betul atau mendapatkan bantuan pakar.

Ini memberikan kesedaran betapa pentingnya pengetahuan mengenai pelaburan dan celik kewangan. Oleh kerana tiada jalan pintas dalam pelaburan; anda perlulah menjadi pelabur yang berpengetahuan demi untuk mencapai kejayaan dalam kewangan anda. Sebagai pelabur, anda juga perlu mengikuti perkembangan industri unit amanah.

Tatalaku Profesional dan Beretika

Individu yang berurusan dengan anda perlulah mempunyai lesen dan memiliki surat tauliah. Perunding Unit Amanah adalah tertakluk kepada tatalaku dan juga etika yang ditetapkan oleh pihak FIMM. Mereka juga perlu mematuhi Piawaian dan Tatalaku Profesional yang digariskan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Perunding ini mestilah orang yang telah dilantik oleh Syarikat Pengurusan Unit Amanah atau Perunding Unit Amanah Berinstitusi tertakluk kepada peraturan pendaftaran yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti, dan juga mestilah berdaftar dengan FIMM. Begitu juga dengan individu yang berurusan dengan Skim Persaraan Swasta (Private Retirement Scheme (PRS)), mereka juga perlu mematuhi peraturan yang sama seperti perunding unit amanah.

Kod etika menetapkan individu berdaftar supaya menjalankan perniagaan dengan jujur dan berintegriti. Mereka juga mestilah cekap, adil dan berimbang rasa ketika berurusan dengan para pelabur. Para Perunding Unit Amanah atau Skim Persaraan Swasta hendaklah mengekalkan tahap profesional yang tinggi bagi memastikan bahawa maklumat sulit para pelabur dilindungi.

Perunding hendaklah bertindak dengan teliti, cekap dan tekun apabila menasihati pelabur mengenai pelaburan unit amanah atau skim persaraan swasta mereka; termasuklah memberi maklumat yang secukupnya dan tidak menyembunyikan sebarang fakta penting atau membuat ramalan yang mengelirukan untuk pelabur membuat keputusan yang sewajarnya.

Para perunding juga hendaklah mematuhi Piawaian Tatalaku Profesional, yang merangkumi pematuhan terhadap undang-undang, peraturan-peraturan dan garis panduan yang mengawal selia industri unit amanah dan Skim Persaraan Swasta seperti berikut:

- Para perunding hendaklah memberitahu para pelabur bahawa mereka adalah perunding berdaftar dengan FIMM dalam urusan hal ehwal unit amanah / skim persaraan swasta, serta perlu memiliki dan menunjukkan kad kuasa yang dikeluarkan oleh FIMM apabila diminta
- Menggunakan jawatan yang sesuai serta tidak membuat sebarang kenyataan yang bercanggah dan mengelirukan atau mengiklankan maklumat yang tidak betul atau palsu
- Menerangkan dengan jelas dan secukupnya kepada para pelabur mengenai ciri-ciri, sifat dan manfaat dari dana

Melabur Dalam Dana Yang Diluluskan

Adakah produk pelaburan yang ditawarkan telah didaftarkan secara sah? Sebagai pelabur, anda perlu memastikan bahawa tabung unit amanah yang ingin anda sertai itu, telah diluluskan dan didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti bagi mengelakkan anda dari ditipu. Pengedar hendaklah memberikan prospektus mereka kepada anda sebelum anda melabur. Prospektus tersebut perlulah mengandungi maklumat yang patut diketahui sebelum anda melabur dalam produk atau dana yang ditawarkan.

Mengetahui Mengenai Yuran Yang Akan Dikenakan?

Sebelum melabur, pemegang unit amanah perlu memahami tentang yuran, caj dan kos-kos lain yang berkaitan dengan tabung unit amanah. Yuran yang tinggi boleh mengurangkan pulangan pelaburan dalam jangka masa panjang. Biasanya, terdapat dua jenis yuran iaitu yuran langsung dan yuran tidak langsung.

Yuran langsung ialah yuran yang dikenakan oleh syarikat pengurusan unit amanah kepada pelabur, ia juga dikenali sebagai yuran pendahuluan. Yuran ini dikenakan sebagai kos menyertai dana, kos pemasaran dan juga kos pengedaran. Ia juga merupakan caj sekali bayar, dan biasanya dalam lingkungan 5-7%; mungkin terdapat juga caj lain seperti caj untuk penukaran dana dan juga caj jualan balik dana.

Yuran tidak langsung ialah yuran atau caj yang dipotong daripada aset dana tersebut dan dikenakan secara tidak langsung oleh pemegang unit berbanding dengan Nilai Aset Bersih (NAV) dari unit tersebut. Ini meliputi bayaran pengurusan tahunan (biasanya sekitar 1.5% daripada NAV kasar dana) yang dikenakan oleh pengurus dana untuk menguruskan dana tersebut. Ia juga adalah yuran untuk membayar pemegang amanah di mana yurannya tidak melebihi 0.08% daripada NAV kasar dana. Sebagai pelabur yang berpengetahuan, anda harus mendapatkan penjelasan dan memahami sepenuhnya mengenai yuran langsung dan tidak langsung ini sebelum melabur.

Aduan

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan perkhidmatan (atau penjelasan) yang diberikan oleh Perunding Unit Amanah, atau merasakan anda mungkin diperdayakan supaya melabur dalam dana yang ditawarkan, FIMM menyediakan saluran untuk anda mengemukakan aduan anda. Setelah

aduan diterima, FIMM akan menjalankan penyiasatan dan mengadakan perbicaraan seterusnya sebelum mengenakan tindakan disiplin kepada perunding jika perlu. FIMM bertanggungjawab melindungi para pelabur dan akan mengambil tindakan disiplin terhadap Perunding Unit Amanah / Perunding Skim Persaraan Swasta yang melanggar peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan. Untuk mengekalkan keyakinan pelabur dan integriti pasaran, Perunding Unit Amanah / Perunding Skim Persaraan Swasta perlu meningkatkan tahap piawaian tatalaku profesional mereka.

Senarai semak bagi pelabur bijak dan berpengetahuan :

1. Sudahkah anda mengenal pasti matlamat, objektif dan tempoh masa pelaburan anda?
2. Sudahkah anda menilai dasar dan strategi pelaburan bagi dana tersebut?
3. Sudahkah anda menilai status kewangan anda dan memahami polisi pelaburan?
4. Sudahkah anda melakukan penyelidikan tentang saiz dana dan arah aliran pertumbuhan dana tersebut?
5. Adakah anda tahu tentang tahap risiko pelaburan anda?
6. Adakah anda mengetahui tentang yuran dan caj yang dikenakan?
7. Sudahkah anda mengesahkan bahawa Perunding Unit Amanah / Perunding Skim Persaraan Swasta anda adalah perunding yang sah?
8. Sudahkah anda membaca prospektus yang terbarut?
9. Adakah anda mengetahui hak dan tanggungjawab anda sebagai pelabur?
10. Adakah anda membaca dan memahami isi kandungan borang "Pra-Permohonan Pelaburan Unit Amanah" yang diberikan oleh Perunding Unit Amanah / Perunding Skim Persaraan Swasta?

Nota: Jangan membuat sebarang bayaran secara tunai kepada Perunding Unit Amanah / Perunding Skim Persaraan Swasta atau mengeluarkan cek atas nama perunding.

Aduan boleh dikemukakan terus kepada Biro Aduan melalui talian 03-2092 3800 atau e-mel kepada legalcomp@fimm.com.my

Layari www.fimm.com.my untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Syarikat Pengurusan Unit Amanah, ahli yang berdaftar dan maklumat tentang pelaburan unit amanah atau Skim Persaraan Swasta serta senarai dana yang diluluskan.

Bahagian 4 minggu hadapan akan memperincikan tentang kepentingan pelaburan jangka panjang bagi pertumbuhan lestari.

Mengumpulkan Kekayaan dengan Unit Amanah dan PRS

Tel : 03 - 2093 2600 • www.fimm.com.my

Pengenalan

Para pelabur adalah digalakkan untuk melabur dalam tabung unit amanah untuk jangka masa panjang secara berterusan. Mereka tidak harus melabur untuk jangka masa pendek (sama ada dalam saham atau unit amanah) kerana ini hanyalah spekulasi. Setiap tabung unit amanah mempunyai tempoh matang yang ditetapkan. Ianya memerlukan masa dan usaha untuk mengumpul kekayaan dan memaksimumkan faedah daripada pulangan berganda. Lebih-lebih lagi kebanyakannya menyimpan untuk jangka masa panjang sebagai persediaan persaraan.

Kekayaan merupakan nilai aset yang dimiliki oleh seseorang, setelah ditolak jumlah tanggungan (nilai bersih), dan kebanyakan dari kita akan cuba mengumpul kekayaan sebanyak mana yang boleh selagi kita mampu bekerja. Ini akan meningkatkan lagi nilai bersih kita dari semasa ke semasa. Untuk itu, kita perlulah melabur dan menguruskan tahap risiko sewajarnya jika ingin memperolehinnya.

Mengapa kita harus melabur dalam unit amanah? Pertama, pelaburan dalam unit amanah adalah untuk jangka masa panjang, ianya sejajar dengan strategi kita untuk mengumpul kekayaan. Kedua, pelaburan dalam unit amanah memberikan faedah untuk kita mempelbagaikan pelaburan, dengan cara ini kita "tidak meletakkan risiko hanya pada satu tabung". Akhir sekali, tabung unit amanah diuruskan oleh pengurus dana yang professional dimana ia menyediakan saluran terbaik untuk kita mengumpul kekayaan melalui perkembangan unit amanah yang berterusan.

Pengurusan Risiko Dalam Unit Amanah

Sebagaimana yang telah dinyatakan, melabur tidaklah semudah yang disangkakan kerana setiap pelaburan mempunyai risiko yang harus ditanggung oleh para pelabur. Lebih tinggi potensi pulangannya maka lebih tinggi pula risiko yang perlu ditanggung oleh pelabur. Oleh itu, para pelabur mestilah mengetahui toleransi tahap risiko mereka sebelum melabur di dalam mana-mana tabung unit amanah. Terdapat pelbagai jenis tabung unit amanah disediakan untuk para pelabur di mana setiap tabung itu mempunyai tahap risiko yang berbeza. Para pelabur perlu mengetahui tahap risiko yang harus dihadapi sebelum melabur serta menilai profil risiko melalui soal selidik atau melalui bantuan Perunding Unit Amanah mereka. Fungsi profil ini ialah untuk membantu para pelabur mengenal pasti tahap risiko yang harus dihadapi oleh mereka.

Kepelbagaian

Tabung unit amanah melabur di dalam pelbagai jenis pelaburan seperti saham, bon, komoditi dan lain-lain. Ini memberi faedah kepada para pelabur untuk mempelbagaikan pelaburan mereka. Dengan mengumpul tabung pelabur-pelabur, pengurus tabung akan melabur di dalam aset yang berbeza yang tiada kaitan langsung di antara satu sama lain. Dengan cara ini akan mengurangkan risiko dalam portfolio unit amanah tanpa menjejaskan faedah pulangan sekaligus mengurangkan risiko kepada para pelabur.

Melabur Menggunakan Wang KWSP Anda

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ialah institusi keselamatan sosial yang diwujudkan oleh undang-undang bagi memastikan warga Malaysia menyimpan untuk

persaraan mereka, seperti yang telah ditetapkan kepada pekerja dan juga majikan. KWSP akan memastikan pencaerum memiliki simpanan apabila mereka bersara. Malangnya kebanyakan mereka tidak memiliki simpanan yang mencukupi untuk bersara dengan selesa.

- Warga Malaysia memerlukan di antara RM1.4 hingga RM2.8 juta untuk bersara dengan selesa, tetapi kebanyakannya tidak mencapai jumlah ini walaupun mempunyai wang simpanan dan KWSP yang tinggi. Kurang daripada 10% daripada jumlah pencaerum KWSP yang mempunyai simpanan lebih daripada RM100,000 di dalam akaun, apabila mereka layak untuk mengeluarkannya; 90% daripada jumlah pencaerum hanya mempunyai purata sebanyak RM106,000.00 apabila mereka bersara, jumlah ini tidak mencukupi untuk menampung persaraan mereka.
- Jangka hayat warga Malaysia pada tahun 2010 masing-masing ialah 72 tahun bagi lelaki dan 77 tahun bagi wanita. Berdasarkan purata simpanan KWSP, jumlah yang dikumpulkan oleh ahli KWSP apabila mereka berusia 54 tahun ialah sebanyak RM149,216.00. Ini bermakna jumlah bulanan yang boleh dikeluarkan oleh mereka apabila bersara ialah RM570.39. Ini adalah andaian sekiranya ahli tidak mempunyai apa-apa simpanan tambahan selain KWSP dan juga tiada kesan inflasi.
- Sebanyak 70% individu lelaki yang mengeluarkan simpanan KWSP mereka pada usia 55 tahun akan menghabiskan simpanan mereka hanya dalam masa 3 tahun.

Bagaimana Hendak Memastikan Kita Mempunyai Wang Simpanan KWSP Yang Mencukupi Untuk Bersara Dengan Selesa?

Kita boleh:

- 1) Bekerja selepas bersara, mungkin sehingga mencapai usia 65 tahun, atau pun lebih
- 2) Meningkatkan pendapatan dengan cara mendapatkan gaji yang lebih tinggi dan kenaikan gaji tahunan
- 3) Pastikan wang KWSP anda menjana faedah dengan lebih baik

Akta KWSP telah memberi mandat bahawa 60% daripada portfolio pelaburannya, hendaklah dilaburkan dalam pendapatan tetap seperti bon kerajaan atau Sekuriti Kerajaan Malaysia. Ini bermakna hanya 40% dibenarkan untuk dilaburkan ke dalam ekuiti atau saham. Oleh itu, mungkin sukar untuk menjana pulangan tetap melebihi purata. Pada bulan November 1996, KWSP memperkenalkan Skim Pelaburan Ahli, di mana pencaerum boleh melabur dalam tabung unit amanah yang diluluskan. Tujuannya ialah untuk memberi lebih banyak pilihan kepada ahli untuk melabur dan menentukan jenis pulangan dan tahap risiko yang sesuai untuk mereka. Pencaerum boleh memilih untuk mengeluarkan sebahagian daripada simpanan di dalam Akaun 1 mereka di setiap suku tahun, tertakluk kepada umur dan Simpanan Asas, untuk melabur ke dalam tabung unit amanah yang diluluskan, mengikut pilihan mereka. Dengan cara ini, pencaerum KWSP boleh mempelbagaikan simpanan mereka di dalam pelbagai tabung yang boleh menjana pulangan yang lebih tinggi bagi pelaburan mereka (dengan mengambil risiko yang lebih sedikit daripada hanya menyimpan dalam akaun KWSP mereka, yang bersifat konservatif).

Cara Melabur Dengan Menggunakan Simpanan KWSP Anda

Langkah pertama untuk melabur dengan menggunakan simpanan KWSP untuk tabung unit amanah yang diluluskan ialah dengan menyemak baki simpanan di dalam Akaun 1 anda. Anda mestilah mengekalkan jumlah minimum (dikenali sebagai Simpanan Asas) di dalam akaun 1, mengikut usia anda seperti yang telah ditetapkan oleh KWSP. Hanya 20% daripada baki Simpanan Asas dibenarkan untuk melabur. Ia adalah jumlah maksimum pengeluaran bagi setiap suku tahun, manakala RM1,000.00 adalah jumlah minimum pengeluaran. Syarikat pengurusan unit amanah pula akan mengenakan caj perkhidmatan permulaan yang tidak melebihi 3% untuk tabung yang diluluskan. Apabila pelaburan untuk tabung tersebut ditebus semula, wang anda akan dikreditkan terus ke dalam Akaun 1 anda.

Skim Persaraan Swasta (PRS)

Selain KWSP sebagai platform simpanan persaraan untuk rakyat Malaysia, pihak kerajaan juga telah mengumumkan satu skim baru bagi persaraan iaitu Skim Persaraan Swasta (PRS) ketika pembentangan Bajet 2012:

- Skim PRS ini adalah skim tambahan bagi rakyat Malaysia untuk mengukuhkan simpanan persaraan mereka. Penyedia PRS yang diluluskan akan menawarkan skim persaraan jangka panjang yang mengandungi pelbagai tabung. Ini untuk memudahkan majikan dan individu memilih tabung yang fleksibel dan mudah digunakan bagi profil pulangan faedah dan risiko yang berbeza
- Sebagai insentif kepada individu yang mencarum dengan skim PRS yang diluluskan, pelepasan cukai sehingga RM3,000 setahun selama 10 tahun, akan diberikan kepada individu tersebut
- Pengecualian cukai juga diberikan kepada faedah pulangan yang diterima dari tabung PRS. Manakala potongan cukai diberikan kepada majikan yang mencarum melebihi kadar yang ditetapkan iaitu sehingga 19% gaji pekerja
- FIMM telah diberi mandat untuk memastikan pasaran yang adil dan saksama diwujudkan untuk produk PRS dan para pelabur mempunyai akses kepada maklumat pelaburan dengan mudah

Secara ringkasnya, pelaburan dalam unit amanah dan PRS ialah satu pelaburan untuk jangka masa panjang. Ia amat sesuai dengan strategi pengumpulan kekayaan dan perancangan untuk persaraan. Demi mencapai perkembangan lestari jangka panjang, para pelabur tidak harus melabur untuk jangka masa pendek, tetapi harus melihat pada keseimbangan dalam menjana pulangan yang lebih tinggi dan pengurusan risiko.

Bahagian akhir pada minggu hadapan akan menerangkan peranan dan tanggungjawab FIMM sebagai Organisasi Kawal Selia dan komitmennya dalam memastikan perlindungan kepada para pelabur serta menyokong perkembangan industri dalam pengurusan pelaburan unit amanah dan skim persaraan swasta.

FIMM sebagai sebuah Organisasi Pengawalseliaan Sendiri (Bahagian 2)

ADVERTORIAL



Tel : 03 - 2093 2600 • www.fimm.com.my

Pengenalan

Perserikatan Pengurus-Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sebagai sebuah Organisasi Pengawalseliaan Sendiri [Self-Regulatory Organisation (SRO)] untuk industri unit amanah mengikut Seksyen 323(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 melalui perintah yang diwartakan bertarikh 20 Januari 2011. Dengan mandat yang diberi, FIMM akan memainkan peranan yang lebih besar dalam memastikan pertumbuhan industri unit amanah serta dalam masa yang sama melindungi hak para pelabur dan kepentingan awam sebagai keutamaan.

Sebagai pengawal selia, FIMM lebih memahami selok-belok industri pelaburan unit amanah dan akan bertindak balas dengan pantas kepada perubahan keadaan pasaran bagi memastikan pertumbuhan yang berterusan. Misi FIMM adalah untuk melindungi hak para pelabur dengan meningkatkan integriti, piawaian dan etika di dalam industri unit amanah. Ini sekaligus menambah keyakinan para pelabur dan seterusnya meningkatkan pertumbuhan industri unit amanah.

Meningkatkan Tahap Profesionalisma

FIMM komited dalam memastikan rangka kerja pendidikan disediakan secukupnya bagi pembangunan pasaran unit amanah dan skim persaraan swasta. FIMM telah menjalankan beberapa inisiatif untuk meningkatkan kemahiran dan tahap pengetahuan Perunding Unit Amanah dan Persaraan Swasta agar mereka dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada para pelabur. Bagi memastikan perunding-perunding sentiasa cekap dalam menjalankan tugasnya, FIMM menjalankan penilaian "layak dan sesuai" terhadap mereka, mengadakan semakan kelayakan wajar bagi setiap permohonan pendaftaran pengedar institusi.

Dalam usaha meningkatkan tahap profesionalisma para perunding, FIMM telah menetapkan setiap individu yang ingin menjadi perunding unit amanah perlu menduduki peperiksaan dan seterusnya sentiasa meningkatkan kemahiran serta menambah pengetahuan selaras dengan perkembangan industri. Program Pembangunan Profesional Berterusan [Continuing Professional Development (CPD)] yang diperkenalkan akan memastikan perunding sentiasa mengikuti perkembangan industri semasa bagi membantu para pelabur membuat keputusan sewajarnya.

Menetapkan Amalan Jualan Yang Berkesan

Untuk memastikan industri unit amanah menjana pertumbuhan yang berterusan, FIMM mengamalkan tadbir urus yang beretika, di mana pengantara industri dan pelabur dilayan sama-rata. Ini merupakan sebahagian dari kerangka kerja tadbir urus yang menyeluruh untuk meningkatkan keyakinan para pelabur terhadap integriti tabung unit amanah, di mana ianya penting dalam menjana perkembangan industri. Para pelabur perlu mempunyai keyakinan integriti kerangka kerja pelaburan dan juga FIMM supaya mereka berterusan melabur dalam tabung unit amanah.

Sebagai Organisasi Pengawal Selia (SRO), FIMM berazam mewujudkan dan menguatkuasakan piawaian di dalam kewangan, operasi dan jualan. Setakat ini, FIMM telah menyediakan kerangka kerja dalam mengawasi, memantau dan menyelia ahlinya. Antaranya menyediakan audit pematuhan untuk menjalankan audit berkala terhadap amalan pemasaran dan pengagihan para penganalisis seperti yang telah digariskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan FIMM dalam Tata Etika dan Piawaian Kelakuan Profesional. Jika berlaku salah laku atau ketidak-patuhan, FIMM akan memulakan prosiding disiplin dan mengambil tindakan terhadap individu yang didapati melanggar kod etika. FIMM akan sentiasa memastikan para perunding mengikuti piawaian etika bagi melindungi para pelabur dan kepentingan awam.

Perlindungan Pelabur

Perlindungan pelabur merujuk kepada usaha-usaha bagi memantau kegiatan, menguatkuasakan tuntutan hak pelabur dengan memberi nasihat, bantuan dan menyediakan saluran untuk mereka membuat aduan. Pelabur adalah individu yang memperuntukkan sebahagian modal untuk mendapat pulangan faedah yang lebih baik dari pelaburan mereka, contohnya pelaburan dalam dana unit amanah atau skim persaraan swasta. Antara usaha yang dilakukan oleh FIMM bagi memastikan hak para pelabur dilindungi adalah :

- Kerangka kerja Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) yang diperkenalkan pada bulan Januari 2010 di mana para perunding diwajibkan untuk menambah ilmu pengetahuan dan mencapai profesionalisma melalui seminar-seminar dan konvokesyen yang dianjurkan oleh FIMM atau institusi-institusi yang berkaitan
- Memperluaskan dan mengadakan kempen pendidikan dan celik kewangan ke seluruh negara untuk menambah pengetahuan para pelabur. Selain berdialog dengan pihak berkepentingan industri, terdapat juga beberapa cara lain untuk menyampaikan maklumat kepada para pelabur seperti rencana pendidikan melalui saluran media utama, kempen di radio dan papan iklan. FIMM juga bekerjasama dengan pihak ketiga dengan menaja program-program yang sesuai dengan objektifnya (perkembangan industri)
- Meningkatkan kecekapan dan perkhidmatan: FIMM telah bekerjasama rapat dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam menyelaraskan proses pengeluaran unit para pelabur yang ingin melabur di dalam unit amanah menggunakan wang simpanan KWSP mereka

Perlaksanaan sistem automatik yang dikenali sebagai sistem Elektronik-Pilihan Pelaburan Ahli (E-PPA) adalah tanda kejayaan yang benar-benar meningkatkan kecekapan memproses pengeluaran dan penyerahan kembali wang ahli KWSP. FIMM juga menyediakan Biro Aduan untuk para pelabur mengemukakan aduan dan kerangka kerja untuk menanganinya dengan cekap.

FIMM – Saluran Untuk Mengemukakan Aduan

Setiap aduan yang dibuat oleh para pelabur memberi maklum balas yang berguna kepada FIMM dalam membantu perkembangan industri. Aduan-aduan ini boleh membawa kepada penemuan salah laku dan ketidakpatuhan yang mana penzahirannya membawa kepada undang-undang dan prosiding tatatertib dalam menangani aduan-aduan mengenai salah laku para pengedar dan syarikat pengurusan unit amanah. Para pelabur diberi jaminan bahawa prosiding disiplin yang sewajarnya akan diambil jika terbukti mereka bersalah.

Sejajar dengan ini, para pelabur perlu mengetahui hak dan tanggungjawab mereka. Pelabur harus mempunyai kesedaran tentang apa yang perlu mereka lakukan apabila menandatangani penerimaan Borang Sebelum Pelaburan [Pre-Investment Form (PIF)] untuk pelaburan kali pertama (berkuat kuasa pada 15 Februari 2010); Para Perunding perlu menerangkan dengan jelas terma dan syarat melabur dalam dana unit amanah, manakala para pelabur pula perlu memahami tentang produk, risiko dan bayaran yang dikenakan.

Secara ringkasnya, sebagai pengawal selia adalah penting untuk FIMM mempunyai keyakinan terhadap industri unit amanah dan skim persaraan swasta, dengan melaksanakan tanggungjawab tanpa mengabaikan kepentingan pelabur.

Pengiktirafan FIMM sebagai SRO tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan daripada industri dalam mengemudi pertumbuhan industri unit amanah dan skim persaraan swasta ke arah keteguhan dan daya tahan kewangan yang lebih baik. FIMM akan terus meningkatkan amalan pengagihan, profesionalisma ahlinya dan memastikan kerangka kerja kawal selia yang berkesan dilaksanakan demi melindungi para pelabur. Hasilnya, para pelabur akan lebih yakin dengan integriti dan kerangka kerja unit amanah serta skim persaraan swasta yang menjana pertumbuhan untuk pengurusan industri pelaburan yang berterusan.